❤PENANG

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

1 - 15 OGOS, 2022

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

**KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada majlis pelancaran pembinaan semula pasar awam dan pusat penjaja Mukim 1, Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**



# PASAR AWAM SEBERANG JAYA

## rancakkan pertumbuhan ekonomi Seberang Perai

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**SEBERANG JAYA -** Projek pembinaan semula bangunan pasar awam dan pusat penjaja Mukim 1, Seberang Jaya yang bermula sejak tahun 2019 dijangka siap sepenuhnya pada Mac 2023.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pasar awam dan pusat penjaja tersebut dibangunkan di atas tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) seluas 12.5 ekar membabitkan kos kira-kira RM19.5 juta.

"Kos pembangunan semula projek ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak pemaju, Zubicon Development Sdn. Bhd. secara subsidi silang daripada keuntungan pemajuan perumahan dan komersial.

"Pembangunan semula ini melibatkan empat plot tanah merangkumi pasar awam serta pusat penjaja seluas 4.1 ekar; projek pembangunan bercampur (4 ekar); projek komersial (1.02 ekar) dan tempat letak kereta (3.34 ekar).

"Apabila siap kelak, kompleks pasar awam serta pusat penjaja ini akan diserahkan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi pengurusan dan milikan," katanya pada majlis pelancaran pembinaan semula pasar awam dan pusat penjaja berkenaan dekat sini 16 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar; Datuk Bandar MBSP, Dato' Azhar Arshad; Ketua Pegawai Eksekutif PDC, Aziz Bakar; Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Baderul Hamid Abdul Hamid serta Pengarah Zubicon Development Sdn. Bhd., Lim Beng Keong.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berkata bahawa pasar awam dan pusat penjaja berkenaan bakal dilengkapi dengan kemudahan sistem solar, ruang niaga luar dan 450 lot parkir demi keselesaan peniaga serta penduduk di kawasan ini.

"Malah, pasar awam ini juga ditukar nama kepada Pasar Rakyat bagi mengekalkan semangat komuniti melalui penyediaan pelbagai kemudahan dan reka bentuk projek pembangunan semula ini.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Pembangunan infrastruktur seimbang pulau dan Seberang Perai

"Justeru, adalah diharapkan agar pembinaan semula projek ini dapat merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di Seberang Jaya dan Seberang Perai Tengah," katanya.

Tambah Kon Yeow, projek pembinaan semula pasar awam dan pusat penjaja tersebut juga selaras dengan Visi Penang2030 - Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Ia juga menandakan satu lagi peristiwa penting dalam pertumbuhan serta kemajuan negeri ini daripada segi pembangunan insfrastruktur yang seimbang antara bahagian pulau dan Seberang Perai," ulasnya lanjut.

Sementara itu, Aziz memberitahu bahawa projek perkembangan pembinaan semula kompleks pasar awam serta pusat penjaja berkenaan kini berada pada tahap 30 peratus.

"Projek ini bermula pada tahun 2019 tetapi mengalami sedikit kelewatan ekoran beberapa masalah berkaitan trafik dan reka bentuk yang perlu memenuhi konsep Indeks Bangunan Hijau.

"Namun begitu, kita yakin bahawa projek ini dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan demi kemudahan peniaga serta penduduk di kawasan Seberang Jaya," ujarnya.



**KETUA Menteri meneliti pelan-pelan yang dipamerkan.**

Dalam pada itu, Azhar sebelum itu memaklumkan bahawa 'Pasar Rakyat' berkenaan akan menempatkan peniaga serta penjaja berlesen dan tidak berlesen dari pusat penjaja sedia ada.

"Ketika ini, semua peniaga sama ada yang berlesen atau tidak berlesen telah ditempatkan di pasar awam sementara, bersebelahan bangunan Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FFM) dekat Jalan Tenggiri 2," jelasnya.




**ILUSTRASI grafik projek yang siap kelak.**



**TAPAK projek.**




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Tapak pasar lama SIA BOEY pusat agihan makanan gelandangan 'teratur'

**SEBELUM** ini, Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, **PHEE BOON POH** memaklumkan mengenai salah satu inisiatif Kerajaan Negeri dalam membantu golongan terpinggir di negeri ini untuk mendapatkan makanan yang selamat dan berkhasiat.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** serta jurugambar, **LAW SUUN TING** dan **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR** mendapatkan maklum balas *'mastermind'* di sebalik inisiatif tersebut.



FASILITI di Sia Boey yang bakal digunakan sebagai pusat agihan makanan kepada golongan gelandangan secara teratur di sekitar George Town.

Menurut Boon Poh, pihaknya kini masih pada peringkat perbincangan dengan pihak berkaitan bagi menyusun atur pelaksanaan agihan makanan kepada golongan bergelandangan secara terus di sekitar George Town.

"Pada peringkat permulaan, cadangan untuk mewujudkan pusat agihan makanan ini adalah di bawah Komtar, namun disebabkan keadaan yang penuh dengan asap kenderaan dan habuk, maka tidak sesuai.

"Oleh itu, cadangan kini terarah ke Taman Arkeologi Bandar Sia Boey, iaitu di dewan terbuka.

"(Dan) perkara itu perlu dibincangkan bersama-sama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) serta pihak berkaitan untuk menggunakan fasiliti di Sia Boey," ujarnya sebagai respons terhadap soalan yang diajukan pada sesi wawancara 21 Jun lalu.

Ditanya mengenai prosedur operasi standard bagi pusat agihan makanan itu, Boon Poh berkata bahawa buat masa ini, pihaknya mencadangkan supaya badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang ingin mengagihkan makanan kepada gelandangan mengambil giliran.

"Saya amat menghargai usaha NGO-NGO yang amat prihatin dan ingin membantu golongan gelandangan.

"Namun, ada kelemahan dari segi pelaksanaan agihan sehingga berlakunya isu pembaziran.

"Misalnya, pernah dilihat ada empat hingga lima NGO yang agih makanan kepada orang yang sama (gelandangan), bermakna seorang gelandangan akan dapat empat hingga lima bungkusan makanan.

"Ada gelandangan yang membawa pulang makanan-makanan yang diterima, ada yang memilih mana yang mahu dan buang mana yang tidak diingini.

"Oleh itu, melalui inisiatif ini, NGO yang berhasrat untuk menghulurkan bantuan makanan kepada gelandangan perlu berdaftar terlebih dahulu dan mengambil giliran.

"(Dan) sekiranya hari tersebut tiada NGO yang mengagihkan makanan, makan pihak Mutiara Food Bank akan membantu menyediakan makanan dan minuman," jelasnya.

Selain NGO, individu yang ingin mengambil makanan yang diagihkan juga perlu menjalani proses pendaftaran.

"Masalah gelandangan ini merupakan masalah sosial yang perlu ditangani.

"Melalui inisiatif agihan ini, individu yang hadir ke pusat agihan perlu didaftarkan.

"Tujuannya adalah untuk mengumpul data terkini bagi membolehkan Kerajaan Negeri memahami kesulitan yang dihadapi oleh golongan ini.

"(Hal ini kerana), ada dalam kalangan mereka yang tiada tempat berteduh atau *homeless*, ada yang mempunyai masalah mental dan sosial, ada kutu rayau serta ada yang terkandas dari luar negeri.

"Data yang ada kini adalah data lama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sudah lebih dua tahun setengah, (jadi melalui kaedah pendaftaran) maka data baru akan diperoleh.

"Kerajaan Negeri mempunyai saluran bantuan yang disediakan, namun sekiranya tiada data, masalah ini tidak dapat diselesaikan," katanya.

Tambah beliau, bukan setakat bantuan keperluan harian, Kerajaan Negeri juga sebelum ini pernah menempatkan gelandangan yang diselamatkan di rumah-rumah orang tua; rumah yang disewakan khas oleh JKM (terdapat empat unit) dan ada yang dihantar pulang ke negeri asal.

"Oleh sebab itu, Kerajaan Negeri amat berharap Pusat Transit Gelandangan di Jalan C.Y. Choy dapat beroperasi selewat-lewatnya pada bulan Julai.

"Projek ini mengalami kelewatan disebabkan bahan-bahan binaan yang kebanyakan dari China (penghantaran bahan tidak sekerap sebelum pandemik) dan telah memperoleh lanjutan tempoh masa, dijangka akan siap sepenuhnya menjelang Ogos.

"Apabila pusat transit ini beroperasi kelak maka pusat agihan makanan juga akan digerakkan," ulasnya lanjut.

Seperti yang dilaporkan sebelum ini, pusat transit tersebut juga bakal menjadi Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) yang bukan sahaja memberi peluang kepada warga emas bergelandangan bersosial secara sihat tetapi juga membuka peluang untuk menjana pendapatan dengan membantu pengoperasi di kafe atau di pusat kitar semula yang terdapat di premis berkenaan.

"Kerajaan Negeri tekad untuk mengembalikan semula maruah kepada golongan gelandangan ini, kerana mereka juga manusia.

"Selain itu, melalui perbincangan dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), mereka juga sedia membantu golongan ini mendapatkan pekerjaan dan perlindungan.

"Bukan itu sahaja, di pusat transit itu nanti juga akan disediakan khidmat kesihatan bagi membolehkan golongan bergelandangan ini menjalani saringan kesihatan dalam suasana yang selesa.

"Begitu juga di Sia Boey nanti, yang mana akan disediakan meja dan kerusi bagi membolehkan penerima makanan ini makan dalam suasana yang lebih kondusif, bukannya di tepi-tepi longkang," tegas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu itu lagi.

Menyentuh mengenai inisiatif sama di bahagian Seberang Perai, Boon Poh memaklumkan bahawa buat masa ini terdapat satu unit rumah yang disewakan bagi tujuan agihan berdekatan dengan Penang Sentral hasil inisiatif ADUN setempat.

"Namun, di bahagian pulau adalah yang julung kali bakal dilaksanakan (secara teratur)," katanya.

Di samping itu, Boon Poh memberitahu bahawa nasib golongan penarik beca juga menarik perhatian Kerajaan Negeri.

"Sebanyak dua unit rumah di bawah MBPP telah disewakan kepada penarik beca yang ingin bermalam.

"(Inisiatif ini) adalah untuk memastikan penarik beca tidak lagi tidur di dalam beca di tepi-tepi jalan kerana boleh mengundang bahaya.

"Sehingga hari ini juga, Kerajaan Negeri meneruskan pembayaran elaun setiap dua minggu kepada penarik beca (yang tidak mempunyai pendapatan tetap dan turut terkesan akibat pandemik)," jelasnya yang berhasrat untuk memahami keperluan golongan memerlukan di negeri ini.



PHEE Boon Poh.

# PBAPP perlu dana mencukupi biayai projek RWCP 2030



DATO' Ir. Jaseni Maidinsa.

**GEORGE TOWN** - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) telah menggariskan hala tuju untuk melaksanakan projek bekalan air baharu bagi menangani peningkatan permintaan air yang tinggi di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata bahawa sebanyak lima (5) projek akan dilaksanakan mulai tahun ini sehingga 2028 di bawah Pelan Kontigensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030).

"Projek di bawah RWCP 2030 adalah untuk masa hadapan dan berkemungkinan menelan belanja ratusan juta ringgit yang mana pelaburan perlu diperoleh semula daripada tarif air pada masa akan datang.

"Melangkaui tahun 2030, dengan bergantung kepada prospek Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS), PBAPP mungkin perlu melabur dalam penyahgaraman, seperti yang dirancang di bawah inisiatif Bekalan Air Pulau Pinang 2050 (PWSI 2050)," ujarnya melalui siaran media bertarikh 20 Jun 2022 pada Mesyuarat Agung Tahunan PBA Holdings Berhad (PBAHB) Ke-22 di sini.

Mengulas lanjut, Jaseni menyatakan bahawa pada 30 Mac 2022, PBAPP telah mengemukakan Pelan Perniagaan Ke-Lima kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Pelan perniagaan ini termasuk cadangan semakan tarif air Pulau Pinang terutamanya kerana PBAPP perlu mengumpul dana mencukupi bagi membiayai projek RWCP 2030.

"Semakan tarif 2022 yang dimohon itu adalah satu daripada banyak lagi alternatif pada masa hadapan, tidak dapat dielakkan (kerana) kos untuk membekalkan lebih banyak air di Pulau Pinang kepada lebih ramai orang dan perniagaan akan terus meningkat.

"(Dan) sebagai operator bekalan air berlesen di Pulau Pinang, tanggungjawab teras PBAPP adalah untuk memastikan bekalan air yang baik secara berterusan.

"Visi kami adalah untuk memenuhi keperluan bekalan air di Pulau Pinang," katanya.

Menurut Jaseni, secara amnya, pihaknya terus memenuhi keperluan bekalan air kepada 658,910 pengguna berdaftar di negeri ini.

"Pada tahun 2021, meskipun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pelbagai peringkat dilaksanakan seluruh negara, yang mana kebanyakan perniagaan di Pulau Pinang tidak dibenarkan beroperasi seperti biasa, jumlah penggunaan air tahun ke tahun meningkat.

"Tanpa penurunan, merekodkan peningkatan sebanyak 1.8 peratus iaitu daripada 845 juta liter sehari (JLH) pada tahun 2020 menjadi 860 JLH (2021).

"Risiko air Pulau Pinang ini boleh ditakrifkan sebagai 'risiko bekalan air yang tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan air' dan risiko ini terus meningkat walaupun semasa fenomena wabak global," ulasnya.

Pada 5 September 2020, Jaseni memaklumkan bahawa kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang jatuh kepada 16 peratus, paras terendah dicatatkan dalam sejarah empangan itu sejak dibuka pada 1999.

"Selain itu, pada tahun 2020 dan 2021 terdapat laporan insiden gangguan bekalan air tidak berjadual di Seberang Perai Selatan (SPS) walaupun PBAPP telah bertindak balas dengan segera menanganinya, kejadian sedemikian terus berulang," jelasnya.

Dalam siaran media sama, Jaseni menegaskan bahawa pihaknya bukan mengejar lebih banyak projek bekalan air dan tarif air yang lebih tinggi.

"Kami sentiasa memberi tumpuan kepada kecekapan dalam operasi serta kemapanan bekalan air pada tarif air yang berpatutan.

"Walau bagaimanapun, terdapat harga yang perlu dibayar untuk permintaan air yang lebih tinggi sama ada dalam bentuk tarif air pada masa hadapan," ulasnya lanjut.

Terdahulu, Jaseni turut menyenaraikan takrifan risiko air oleh lima faktor termasuk peningkatan permintaan air; sumber air mentah terhad; ancaman luar berkaitan Sungai Muda yang menjadi sumber air mentah utama Pulau Pinang dan Ulu Muda (kawasan tadahan air untuk Sungai Muda); perubahan iklim dan kelewatan pelaksanaan SPRWTS.

# Tarif termurah, PBAPP tanggung subsidi air domestik RM97.3 juta

**GEORGE TOWN** - Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) mengumumkan bahawa tiada semakan tarif air di Pulau Pinang melalui tinjauan pada tahun 2021.

Ketua Menteri yang juga Pengerusi PBAPP, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa setiap semakan tarif air bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia adalah tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan sebelum diwartakan sebagai undang-undang berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006).

"Pada Julai dan Disember 2020, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah mengumumkan bahawa semua cadangan semakan tarif air di Malaysia ditangguhkan kerana kesan sosioekonomi akibat pandemik.

"Natijah penangguhan tersebut, PBAPP selaku operator bekalan air berlesen untuk Pulau Pinang terpaksa menanggung subsidi air domestik berjumlah RM97.3 juta pada 2021.

"Subsidi air domestik ini ditanggung kerana purata tarif air di Pulau Pinang untuk 35,000 liter pertama sebulan adalah RM0.32 sen setiap 1,000 liter, tarif air paling murah di Malaysia.

"Hal ini bermakna, PBAPP memberi subsidi kepada setiap seorang daripada 571,219 pengguna domestik berdaftar untuk penggunaan air sehingga 35,000 liter sebulan pada tahun lalu (2021)," ujarnya melalui siaran media bertarikh 20 Jun 2022 pada Mesyuarat Agung Tahunan PBA Holdings Berhad (PBAHB) Ke-22 yang diadakan secara maya di sini pada 20 Jun lalu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow berpandangan bahawa subsidi air domestik ini tidak mampan walaupun ia dilihat mesra rakyat.

"Ada tiga sebab utama, pertama ia meningkatkan penggunaan domestik per kapita di Pulau Pinang sebanyak 27 liter per kapita per hari (LKH) atau 9.6 peratus dalam dua tahun (281 LKH pada 2019 menjadi 308 LKH pada 2021).

"Peningkatan 27 LKH ini mungkin tidak ketara sehingga didarabkan dengan 1.776 juta orang menjadi 48 juta liter sehari (MLD) dan tanpa campur tangan, penggunaan domestik per kapita akan terus menjadi tidak terkawal.

"Keduanya, ia meningkatkan keperluan infrastruktur bekalan air baharu bagi menyokong permintaan air yang lebih tinggi dan menjejaskan perkhidmatan bekalan air sehingga ke tahap PBAPP kini terpaksa menangani isu bekalan air di beberapa kawasan di Seberang Perai Selatan (SPS)," jelas Exco Pembangunan Tanah dan Ekonomi itu.

Oleh demikian, Kon Yeow menyatakan bahawa pada 30 Mac 2022, PBAPP sebagai operator bekalan air berlesen untuk Pulau Pinang telah mengemukakan Pelan Perniagaan Ke-Lima kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

"Dalam pelan perniagaan tersebut, PBAPP menggariskan keperluan semakan tarif air di Pulau Pinang kerana perlu mengumpul lebih banyak dana untuk projek bekalan air baharu bagi mengelak isu bekalan air lebih meluas berpunca daripada permintaan yang semakin meningkat.

"Keuntungan selepas cukai yang diperoleh PBAPP tidak mencukupi kerana pelaburan untuk satu projek bekalan air mungkin mencecah ratusan juta ringgit.

"(Dan) pihak PBAPP sedang berhubung dengan SPAN untuk mendapatkan kelulusan bagi pelan perniagaan serta semakan tarif air yang disertakan," ulasnya sambil menegaskan sekali lagi bahawa semakan tarif adalah tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Menerusi siaran media sama, Kon Yeow yang juga Pengerusi PBA Holdings Berhad (PBAHB) turut mengumumkan keuntungan selepas cukai (PAT) PBAHB sebanyak RM36.74 juta bagi tahun kewangan 2021, kenaikan RM11.98 juta atau 48.4 peratus, tahun ke tahun.

"Bagi tahun kewangan 2020, PBAHB melaporkan PAT sebanyak RM24.76 juta.

"PAT lebih tinggi direkodkan (pada tahun kewangan 2021) adalah disebabkan faedah cukai tertunda kira-kira RM9 juta yang diperoleh PBAPP.

"Ia berkaitan penggunaan 'elaun pelaburan semula' atau RA yang tidak diserap sebanyak kira-kira RM78 juta pada tahun 2021 berbanding RM12 juta (2020)," katanya.

Selain itu, tahun 2022 menandakan tahun ke-21 berturut-turut PBAHB meluluskan pembayaran dividen akhir satu peringkat sebanyak 1 sen sesaham kepada 7,942 pemegang saham.

"Keseluruhan pembayaran dividen akhir ini adalah berjumlah RM3.31 juta," ulasnya lanjut.

Sebagai rekod, pada 27 Februari 2020, Kerajaan Persekutuan mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi (di bawah P.U.(A) 268) mana-mana syarikat layak menuntut elaun modal dipercepatkan pada kadar 20 peratus untuk elaun permulaan daripada 40 peratus bagi elaun tahunan perbelanjaan modal yang ditanggung pada 1 Mac sehingga 31 Disember 2020, berhubung peruntukan jentera dan peralatan termasuk peralatan teknologi maklumat dan komunikasi yang digunakan dalam perniagaan.

Berikutan peraturan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), PBAPP kehabisan elaun modal yang tidak diserap yang dibawa ke hadapan dalam beberapa tahun akan datang mengakibatkan peningkatan dalam penggunaan RA yang tidak diserap.

Secara ringkas, PBAHB melaporkan PAT yang lebih tinggi untuk tahun 2021 disebabkan peningkatan faedah cukai tertunda yang boleh direalisasikan pada tahun-tahun mendatang.

# Cecah paras penggunaan tertinggi, 570 juta liter air sehari

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN -** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) kini sedang giat menangani lonjakan tinggi dalam permintaan air dalam negeri.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Jaseni Maidinsa berkata bahawa dalam jangka masa sembilan tahun sebelum ini iaitu antara 2010 sehingga 2019, jumlah penggunaan air direkodkan meningkat sebanyak 61 juta liter sehari (JLH) atau 7.8 peratus, iaitu daripada 782 JLH pada 2010 kepada 843 JLH (2019). (Rujuk Appendix A).

"Walau bagaimanapun, dalam tempoh tiga tahun lalu, jumlah penggunaan air di negeri ini meningkat sebanyak 102 JLH atau 12.1 peratus daripada 843 JLH yang direkodkan pada 2019 kepada 945 JLH pada Mei 2022.

"(Dan) seperti yang dijangkakan, semasa pandemik (2020 - 2021), penggunaan air perdagangan (perniagaan) menurun sebanyak 30 JLH (8.7 peratus) daripada 343 JLH pada 2019.

"Penggunaan air perdagangan kembali meningkat dan mencecah 375 JLH pada Mei 2022.

"Sebaliknya, penggunaan air domestik meningkat sebanyak 47 JLH (9.4 peratus) semasa tahun pandemik iaitu daripada 500 JLH (2019) kepada 547 JLH (2021).

"Manakala, pada bulan Mei 2022, mencecah paras tertinggi sebanyak 570 JLH," ujarnya melalui siaran media bertarikh 20 Jun 2022 seusai Mesyuarat Agong Tahunan PBA Holdings Berhad (PBAHB) Ke-22 yang diadakan secara maya di sini.

Mengulas lanjut, Jaseni yang juga Ketua Pegawai Eksekutif PBAHB memaklumkan bahawa lonjakan penggunaan air yang jelas adalah berpunca daripada perubahan tingkah laku dan rutin pengguna domestik sebagai tindak balas kepada pandemik global COVID-19.

"Pada peringkat global, pandemik telah mengubah perjalanan sejarah dalam masa dua tahun sahaja tetapi kesannya akan dirasai bertahun-tahun.

"Statistik yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), penduduk Pulau Pinang meningkat sebanyak 2,000 orang dalam tempoh 2019-2021.

"Selain itu, selepas dua tahun terhenti, penggunaan air perdagangan di Pulau Pinang telah meningkat sejak negara memasuki fasa endemik pada 1 April 2022.

"Malah, kilang-kilang baharu yang dibina di Seberang Perai dalam tempoh 2019 - 2021 kini beroperasi," jelasnya. (Rujuk Appendix B).

Menurut Jaseni, sehingga kini, Pusat Kawalan Bekalan Air PBAPP tidak mengesan sebarang isu dalam infrastruktur bekalan air malah tidak mengurangkan jumlah air terawat yang dibekalkan di Pulau Pinang.

"Semua Loji Rawatan Air (LRA) kami beroperasi pada kapasiti optimum, jika tidak, kami tidak akan dapat mengagihkan 945 JLH kepada paip pengguna pada Mei 2022 berbanding 860 JLH pada 2021.

"Peningkatan penggunaan air sejak tiga tahun lalu adalah luar biasa dan kemungkinan lonjakan ini tidak diambil kira apabila PBAPP membangunkan Pelan Kontigensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030).

"Oleh yang demikian, PBAPP melaksanakan langkah-langkah respons kecemasan dengan menyemak RWCP 2030 dan mempercepatkan pelaksanaan projek.

"(Dan) dalam perancangan ke hadapan, PBAPP merancang untuk menampung peningkatan purata 4.03 peratus dalam penggunaan air setahun," ulasnya lanjut.

Difahamkan, antara projek-projek yang disemak di bawah RCP 2030 adalah merangkumi projek naik taraf tangki pemendapan LRA Sungai Dua (Fasa 2) bagi tahun 2022; Pakej 12A, LRA Sungai Dua (2023); LRA Empangan Mengkuang (Fasa 1) (2025); LRA Sungai Muda (Fasa 1)(2028) dan Skim Bekalan Air Sungai Perai (2028).

Pada masa sama, Jaseni memberitahu bahawa pihaknya telah menjalankan operasi pembenihan awan segera bermula Jun hingga 2022.

"Tujuannya adalah bagi mengisi semula Empangan Air Itam kepada kapasiti efektifnya menurun sebanyak 58.8 peratus dalam tempoh enam bulan iaitu daripada 89.3 peratus pada 1 Januari 2022 kepada 30.5 peratus (12 Jun 2022).

"Bagi kawasan Seberang Perai Selatan (SPS) pula, PBAPP telah menempatkan lori tangki air dan tangki air statik di beberapa kawasan hujung paip agihan serta kawasan tanah lebih tinggi.

"PBAPP juga mengalihkan lebih banyak air ke SPS di samping melaksanakan Pelan Kontingensi Bekalan Air SPS 2022 dengan mengutamakan bekalan air kepada 32,993 pengguna air dari 6:01 petang sehingga 6:00 pagi setiap hari.

"PBAPP tidak berputus asa dan berusaha untuk menangani semua isu bekalan air dengan cekap, bukan sahaja di SPS tetapi juga seluruh negeri Pulau Pinang," katanya.






# Pasukan keselamatan, Kerajaan Negeri rakam penghargaan

Oleh : **ZAINILFAQAR YAACOB**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN** - Persatuan Komuniti Pasukan Tindakan Cemas (CERT) George Town kini mempunyai jentera penyelamat baharu dikenali *'Incident Support Unit'* hasil sumbangan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), *Lions Club of Penang Hillview* yang bernilai kira-kira RM130,000.

Semasa berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa idea untuk CERT mempunyai sebuah jentera penyelamat yang dilengkapi dengan *'Kore Kooler Chair'* serta pelbagai kemudahan kecemasan lain timbul selepas misi kemanusiaan bencana banjir di negeri Pahang.

Sehubungan itu, beliau yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi merakamkan penghargaan kepada semua NGO yang terlibat dalam menyahut seruan Kerajaan Negeri untuk membantu anggota barisan hadapan meningkatkan mutu kesiapsiagaan menghadapi kemungkinan perkara tidak diingini di Pulau Pinang pada masa hadapan.

"(Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan, PKP) Kerajaan Negeri hari ini menyampaikan bantuan dalam bentuk bakul makanan, peralatan dan kelengkapan diperlukan (oleh anggota barisan utama) serta peranti-peranti yang diperlukan oleh murid sekolah bagi menempuhi (kaedah Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah, PdPR) supaya tidak ada mana-mana pihak ketinggalan di belakang.

"Pada pagi ini, bagi pihak Kerajaan Negeri dan diri saya sendiri, ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang telah menyahut cabaran di negeri Pulau Pinang dan melakukan apa yang mampu bagi memberi bantuan kecemasan sebelum bantuan sebenar tiba (daripada agensi-agensi berkaitan) selama tempoh hampir dua tahun kita menghadapi pandemik COVID-19 sebelum ini," jelasnya yang juga Ahli




KETUA Menteri dan Phee Boon Poh (kiri sekali) mendengar penjelasan Ong Swee Jin (kanan sekali) mengenai pengoperasian jentera penyelamat baharu dikenali *'Incident Support Unit'* pada majlis perasmiannya di sini baru-baru ini.

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong dalam Majlis Perasmian *'Incident Support Unit'* di sini pada 19 Jun 2022.

Sebelum itu, Exco Kebajikan dan Masyarakat Penyayang, Phee Boon Poh memberitahu bahawa dengan adanya empat unit *'Kore Kooler Chair'*, ia menjadikan CERT sebagai antara pertubuhan yang mempunyai kemudahan menghadapi kecemasan paling moden di negara ini.

Turut berucap, Pengerusi CERT George Town, Ong Swee Jin dan Pengerusi Lions Club of Penang Hillview, Phoong Chew Yee.

ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Presiden CERT George Town, Herry Teh Chee Kong; Penguasa Kanan Bomba 1, Jamil Abdullah @ Othman; Timbalan Pengarah (Perubatan) Hospital Pulau Pinang, Dr. R. Premaloshini dan Pengerusi Lee Sih Chong Soo, Lee Kok Eng antara yang hadir dalam majlis tersebut.

## Loji rawatan sisa haiwan secara berpusat dibangunkan

**SUNGAI BAKAP** - Sebuah loji rawatan sisa kumbahan haiwan secara berpusat serta berskala besar akan dibangunkan dalam tempoh kira-kira sembilan bulan di Perkampungan Valdor dekat sini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya senantiasa mengalu-alukan projek mesra alam yang diusahakan oleh Timeless Green Sdn. Bhd. iaitu firma subsidiari milik penuh Clean Green Kg Valdor Sdn. Bhd. bagi mengalihkan air sisa dari semua 40 ladang khinzir sekitar Perkampungan Valdor ke loji rawatan berpusat tersebut.

"Penternak tidak perlu lagi membuang sisa haiwan ke dalam sistem parit sebaik sahaja projek ini siap.

"Kami (Pihak Berkuasa Negeri) berharap masalah pembuangan najis khinzir atau haiwan ke dalam sungai selama ini dapat dihentikan melalui penglibatan pihak peladang dalam projek perintis ini.

"Ini, adalah projek mesra alam dengan dua komponen (yang mana) salah satu adalah untuk menangani pelepasan sisa serta menyumbang kepada isu pencemaran bau terhadap masyarakat setempat, dan kedua adalah penghasilan tenaga hijau daripada sisa haiwan tersebut," jelasnya dalam majlis pecah tanah loji berkaitan di sini pada 19 Jun 2022.

Di samping itu, Kon Yeow yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi berkata bahawa dengan wujudnya loji biogas tersebut, ia akan menerajui bidang penternakan khinzir secara moden, lebih bersih dan mampan.

"Ia juga sekali gus merupakan langkah penting serta pemangkin besar kepada keselamatan makanan kita (terutama di Pulau Pinang)," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Sebelum itu, Pengasas Timeless Green Sdn. Bhd., Dr. Dennis Ganendra menjelaskan bahawa projek yang akan dilaksanakan tersebut merupakan pertama seumpamanya di Semenanjung Malaysia, dengan melibatkan pelaburan swasta lebih RM23 juta.

"Tidak ada dana diperoleh daripada Kerajaan Negeri mahupun (peringkat) Persekutuan," ulasnya sambil memberitahu bahawa loji tersebut adalah melibatkan kawasan seluas 2.5 ekar dekat Perkampungan Valdor.

Tambah beliau, projek tersebut akan berperanan serampang dua mata iaitu menguruskan sisa haiwan dan pada masa yang sama menaja tenaga hijau (biogas).

"Kami akan mengumpulkan sisa haiwan dari 40 ladang khinzir yang mempunyai kira-kira 100,000 ekor.

"Kami akan menggunakan sistem paip untuk memindahkan sisa dari ladang yang lebih dekat dengan loji (selain akan menggunakan) sistem trak bagi mengangkut (sisa haiwan) dari ladang yang terletak jauh dari loji kami.

"Di loji itu, sisa yang dikumpul akan dimasukkan ke dalam pencerna biogas dan dipecah-pecahkan (seterusnya) akan menghasilkan tenaga hijau serta bersih untuk dibekalkan kepada Tenaga Nasional Berhad melalui skim *Feed-In-Tariff* dengan sokongan daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA)," ujarnya.

Mengulas lanjut, Dennis memberitahu bahawa sisa yang dikeluarkan daripada biogas tersebut akan diasingkan sementara air bekas kumbahan dirawat lebih lanjut sebelum dilepaskan dan mungkin akan menghasilkan baja organik.

"Akan ada pelbagai elemen baik daripada projek ini," katanya.

Exco Kebajikan dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh yang juga ADUN Sungai Puyu; Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin; ADUN Sungai Bakap merangkap Timbalan Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Dr. Amar Pritpal Abdullah; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani turut sertai majlis pelancaran projek 'mesra alam' tersebut.



KETUA Menteri bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil syarikat pada majlis pecah tanah loji rawatan sisa kumbahan haiwan secara berpusat di sini baru-baru ini.



TAPAK projek.


KESIBUKAN di Jeti Sungai Udang.


PELANGGAN juga ditawarkan perkhidmatan siang dan membersihkan ikan.

# 'PASAR LELONG IKAN'

## jeti Sungai Udang, pengeluar siakap segar

JETI Sungai Udang yang terletak di bahagian Seberang Perai Selatan (SPS) dipercayai antara salah satu sumber pengeluaran ikan siakap (belaan) terbesar dalam negara.

Sebanyak tiga pelantar disediakan untuk membolehkan para nelayan melakukan aktiviti menangkap ikan serta hampir 200 buah bot yang menuju ke jeti tersebut setiap hari untuk menjual hasil yang diperoleh.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL**, bersama-sama jurugambar, **AHMAD ADIL MUHAMAD** sempat menemu bual Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Udang, **CHEW THONG TAI** mengenai 'Pasar Lelong Ikan' terbabit.

Thong Tai berkata, pasar lelong tersebut sudah beroperasi di kawasan berkenaan hampir 80 tahun dan masih menjadi tempat pilihan utama bagi para nelayan untuk menjual hasil tangkapan mereka.

"Hasil laut yang diperoleh nelayan kini tidak sebanyak sebelum ini ekoran Perintah Kawalan Pergerak (PKP) akibat pandemik yang mana dianggarkan hanya empat metrik tan atau bersamaan 4,000 kilogram (kg) sahaja.

"Jika dibandingkan dengan penangkapan sebelumnya (sebelum PKP), beratus tan ikan berjaya diperoleh mengikut musim ketika itu," ujarnya semasa sesi wawancara khas yang diadakan baru-baru ini.

Tambah Thong Tai, pasar lelong ikan tersebut juga mempunyai keunikan tersendiri yang mana para nelayan boleh menjual hasil laut yang ditangkap secara terus kepada pembeli.

"Para nelayan menggunakan konsep menarik pukat kemudian menjual terus hasil tangkapan mereka kepada pembeli tanpa perlu menunggu selama berjam-jam.

"Oleh itu, jika terdengar hasil laut yang dibeli dari Jeti Sungai Udang, harga sememangnya berpatutan ditambah dengan kualitinya yang segar," katanya sambil memaklumkan bahawa kadar harga akan


CHEW Thong Tai.

berubah mengikut tender semasa.

Dalam pada itu, menurut beliau, bagi pelanggan yang ingin membuat pembelian, mereka perlu segera ke pasar lelong berkenaan kerana persaingan adalah sengit antara pelanggan.

"Urusan jual beli di sini mengamalkan cara 'siapa cepat dia akan dapat' kerana memang sukar untuk mendapatkan hasil laut sesegar di sini.

"Walaupun waktu operasi bermula dari jam 10 pagi hingga 1 petang, tetapi pelanggan biasanya menunggu sejak dari awal pagi lagi terutamanya peniaga yang menjual di pasar awam dan pasar malam," kongsinya sambil memaklumkan bahawa orang awam juga boleh membuat pembelian di pasar lelong berkenaan.

Selain itu, Thong Tai turut menyatakan bahawa terdapat segelintir pelanggan yang merasakan bahawa kadar harga hasil laut yang diperoleh di sini adalah agak mahal, berkemungkinan atas faktor pembelian daripada peniaga pasar awam serta pasar malam.

"Kebanyakan peniaga menaikkan kadar harga kerana ingin mengaut keuntungan yang lebih banyak ditambah pula dengan kualiti ikan yang segar.

"Jika dibandingkan dengan udang putih bersaiz besar, harga untuk 1kg di sini hanya RM60 manakala di pasar awam dijual pada harga RM90.

"Sementara itu, bagi ikan jenis jenahak bela pula, harganya hanya RM32 berbanding di pasar awam yang boleh mencecah sehingga RM40 dan ke atas," ulasnya sambil menerangkan bahawa pelanggan juga boleh tawar-menawar sewaktu pembelian.

Mengakhiri sesi wawancara, Thong Tai memaklumkan bahawa hasil laut yang dijual di pasar lelong berkenaan juga eksklusif kerana hanya dihantar sekitar Pulau Pinang sahaja.

"Sebelum kemerdekaan negara lagi jeti ini sudah pun beroperasi dan ia menjadi salah satu tradisi nelayan di sini untuk mendapatkan mata pencarian.

"Bahkan, di sini ikan siakap sememangnya popular, maka tidak hairanlah pasar ini menjadi antara pengeluar ikan siakap terbesar di Malaysia," tambahnya sambil menyatakan bahawa sebanyak 500 buah kolam ikan di Sungai Udang ketika ini.


HASIL laut yang sedia untuk dijual menerusi konsep 'siapa cepat dia dapat'.

# WCOE bekalkan bakat




PERALATAN latihan yang terdapat di WCOE.

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**ISU** kekurangan tenaga kerja mahir dan separuh mahir khususnya dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) kini menjadi antara masalah yang dihadapi oleh kebanyakan negara termasuk juga negeri Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sendiri baru-baru ini menyatakan bahawa Kerajaan Negeri kini sedang menjalinkan kerjasama erat dengan pemain-pemain industri dalam mencari penyelesaian terbaik bagi mengatasi masalah tersebut.

Belia berkata, tanggungjawab membangunkan bakat tempatan bukan sahaja perlu dimainkan oleh Kerajaan Negeri malah memerlukan kerjasama yang baik daripada pihak-pihak industri.

Oleh itu menurut beliau, Kerajaan Negeri amat menggalakkan syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa di negeri ini untuk meningkatkan kemahiran bakat sedia ada di institusi masing-masing melalui program latihan serta pembangunan kemahiran.

Bertitik tolak daripada itu, pusat latihan teknikal dan vokasional, Walta Centre of Excellence Sdn. Bhd. (WCOE) bertindak membuka ruang kepada pelajar-pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menjalani latihan sebelum diserap ke dalam sektor industri.

Baru-baru ini, wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS** berkesempatan mengadakan lawatan ke WCOE yang terletak dekat Taman Perindustrian Batu Kawan (BKIP) untuk melihat sendiri fasiliti serta latihan yang disediakan kepada para pelajar yang terlibat.

## Dua program ditawarkan

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Pengurus WCOE, **CHIN TING FOONG** berkata bahawa pusat latihan tersebut menawarkan dua program iaitu Kejuruteraan Automasi Industri dan Teknologi Pemesinan Industri.

Beliau menyatakan bahawa penubuhan pusat latihan tersebut adalah untuk melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi, kreatif, inovatif dan mempunyai budaya pembelajaran sepanjang hayat.

"Setiap kursus menyediakan latihan selama 10 bulan yang mana kursus operasi pemesinan ditawarkan di cawangan Perai manakala automasi industri pula berada di BKIP.

"Sukatan mata pelajaran kami adalah terdiri daripada 70 peratus praktikal dan 30 peratus teori serta memenuhi semua kriteria dan syarat seperti yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

"Mereka juga akan diajar oleh tenaga pengajar bertauliah yang akan memberikan pendedahan kepada mereka mengenai kemahiran industri sebenar selain teori serta praktikal.

"Selepas 10 bulan menjalani latihan dan lulus peperiksaan yang diperlukan, para pelajar dijangka mendapat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap Dua atau Tiga dan seterusnya memulakan kerjaya sebagai juruteknik junior," katanya kepada Buletin Mutiara semasa sesi wawancara khas di ibu pejabat WCOE dekat BKIP baru-baru ini.

Turut hadir pada sesi lawatan tersebut ialah Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun **GOH CHOON AIK**; Ketua Pegawai Eksekutif WCOE, **MOEY LIP SENG** dan Penolong Pengurus WCOE, **FARAHAIDA ABDUL RAHMAN**.

Ting Foong berkata, pelajar yang menjalani latihan di WCOE akan menggunakan semua peralatan serta mesin sebenar yang memenuhi standard sektor industri.

"Kebanyakan peralatan dan mesin di sini dibangunkan oleh pihak kami sendiri dan ia merupakan peralatan dan mesin yang sama digunakan oleh industri pembuatan.

"Jadi, pelajar boleh menjalani latihan praktikal dengan menggunakan mesin-mesin ini supaya lebih mudah untuk mereka mengaplikasikan kemahiran serta pengetahuan dalam industri selepas tamat pengajian nanti," ujarnya.

## Manfaat kepada pelajar

Menurut Ting Foong, pendapatan kasar bagi seorang juruteknik junior adalah bermula daripada RM1,700 dan boleh meningkat sehingga lebih RM3,000 sebulan termasuk elaun serta kerja lebih masa.

"Mereka juga layak mendapat kenaikan gaji dan kenaikan pangkat (berdasarkan prestasi) bergantung kepada tempat mereka bekerja.

"Biasanya, apabila mereka telah mendaftar untuk melanjutkan pelajaran di WCOE, kami sudah mengenal pasti syarikat-syarikat pembuatan di BKIP dan Perai yang sedang mencari tenaga kerja teknikal dalam bidang automasi industri serta operasi pemesinan.

"Jadi apabila mereka tamat pengajian, mereka boleh mula bekerja dengan syarikat-syarikat tersebut dalam kadar segera.

"Selain itu, graduan dari WCOE yang berhasrat untuk menyambung pengajian pada peringkat diploma dan ijazah sarjana muda boleh meneruskan pembelajaran mereka di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) kerana institusi pengajian tinggi itu adalah rakan kongsi rasmi kami.

"Lagipun, juruteknik baharu ini sangat diperlukan dan pada masa sama dapat mengatasi isu kekurangan tenaga kerja teknikal dalam industri terutamanya di Pulau Pinang pada masa kini," tambahnya.

Dalam pada itu, Farahaida memberitahu bahawa pendaftaran bagi program automasi industri masih lagi dibuka di WCOE dan menggesa pelajar lepasan SPM untuk segera membuat permohonan.

"Mereka boleh menghubungi kami di talian 016-751 5899 untuk pertanyaan lanjut kerana tempat adalah terhad dan kami perlu menemuduga calon terlebih dahulu.



**SALAH seorang pelatih yang sedang mengikuti kursus kemahiran.**

# perlu sektor industri




GOH Choon Aik (tiga dari kiri), Chin Ting Foong (dua dari kiri), Farahaida Abdul Rahman (kiri sekali), dan Moey Lip Seng (tiga dari kanan) (tiga dari kanan) merakam gambar kenangan seusai sesi wawancara di sini baru-baru ini.

"Antara syaratnya ialah mereka mestilah warganegara Malaysia, boleh membaca, menulis dan mengira, cergas dari segi fizikal dan mental serta paling penting adalah tidak buta warna," ulasnya.

Tambah Farahaida, setakat ini, 100 peratus pelajar yang tamat mengikuti kursus di WCOE telah berjaya mendapatkan pekerjaan di kilang-kilang sekitar Batu Kawan sejurus menamatkan kursus masing-masing.

